

Berita Sukan

1// Pada 11 Julai 2004, bertempat di Pyramid Megalane, Sunway Pyramid telah berlangsung Kejohanan Boling Piala Canselor 2004. Kejohanan ini diadakan sempena Istiadat Pemasyhuran Canselor KUKUM. Sebanyak 32 pasukan daripada beberapa IPTA dan agensi telah mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut. Pasukan KUITTHO A telah menjadi juara keseluruhan dengan 7358 jatuhan pin. Bagi kategori berpasukan, pasukan UPM muncul johan dengan 3009 jatuhan pin. Bagi kategori bergu pula, pasukan KUITTHO A dan pasukan SKSS Smart Partner telah muncul johan bagi lelaki dan wanita. Kategori Individu VIP turut dipertandingkan di mana Mr. David Chong telah menjadi johan dengan 695 jatuhan pin. Kejohanan tersebut telah diserikan dengan keberangkatan Kebawah DYMM Canselor KUKUM yang telah berkenan mencemar duli mempersempahkan hadiah kepada para pemenang.

2// Satu Kejohanan Golf sempena Istiadat Pemasyhuran Canselor telah diadakan pada 8 Julai 2004 bertempat di Kelab Golf Putra, Sungai Batu Pahat, Perlis. Kejohanan disertai oleh wakil-wakil dari IPTA dan industri. DYMM Canselor KUKUM turut berangkat ke Kejohanan tersebut.

3// KUKUM telah menjadi tuan rumah bagi kejohanan sukan sepaktakraw dan badminton sirkit 1, Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) pada 4-5 September lalu. Ia adalah kali pertama KUKUM terpilih menjadi tuan rumah bagi satu kejohanan yang dianggap paling berprestij dan besar yang membabitkan kesemua warga IPTA di negara ini. Bagi pertandingan badminton, ia telah dilangsungkan di Dewan UiTM Arau dan Kolej Matrikulasi Arau manakala sepaktakraw pula diadakan di Dewan Rakan Sukan, Kompleks Sukan Negeri, Kangar.

4// Satu Kejohanan Golf antara Universiti Malaysia ke 32 telah diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 4-5 September 2004. KUKUM yang menyertai kejohanan tersebut telah beroleh kejayaan cemerlang apabila salah seorang peserta Roshaidi Ramli telah terpilih sebagai Pemain Gross Terbaik Keseluruhan. Selain itu Pasukan 1 yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Ismail Daut, En. Nasruddin Abdul Shukur, Mohd. Shahrul Musa dan En. Roshaidi Ramli mendapat tempat kedua keseluruhan. Prof. Madya Dr. Ismail Daut dan Mohd. Shahrul Musa juga masing-masing menduduki tempat keempat dan kelima nett individu. Bagi kategori VIP, Dato' Sanad Hj. Said menduduki tempat ketiga individu.

5// Dalam mendekati diri kepada masyarakat melalui sukan, KUKUM melalui Unit Sukan HEP telah menganjurkan Kejohanan Bola Sepak 5 Sebelah Piala Canselor pada 16-18 September 2004. Kejohanan dilangsungkan di Padang Rani, UiTM Arau. Kejohanan ini mendapat penyertaan yang menggalakkan daripada warga Perlis dan Kedah. Kejohanan yang menawarkan wang tunai RM 1,707.04 dan piala pusingan ini telah dimenangi oleh pasukan Balai Baru FC yang menewaskan E-Kaza dengan keputusan 1-0. E-Kaza membawa pulang wang tunai RM 1,000.00 manakala tempat ketiga dimenangi oleh ASFAS UTARA.

6// Dua orang pelajar KUKUM iaitu Roejhan Md Kawi dan Mohd Zulfadhli Mustafa telah terpilih untuk mewakili Universiti-Universiti Malaysia ke Sukan Universiti Asean, Surabaya (SUA). Pemilihan pemain ke kejohanan tersebut oleh pihak MASUM telah diadakan pada 10 & 11 Ogos 2004 bertempat di UTM, Skudai. Latihan pertama pasukan tersebut telah adalah pada 4 dan 5 Ogos lalu.

7// Pasukan bola tampar KUKUM telah muncul johan dalam Kejohanan Liga Sukan Untuk Semua Peringkat Negeri Perlis pada 19 September 2004. Pasukan KUKUM telah menewaskan pasukan UiTM dalam kejohanan tersebut.

8// Unit Sukan HEP dengan kerjasama Kelab Kakitangan KUKUM telah menganjurkan Pertandingan Bola Tampar Pantai bertempat di Padang Kolej Matrikulasi Arau. Penyertaan yang terbuka kepada semua staf dan pelajar ini telah dimenangi oleh pasukan HEP B bagi kategori lelaki dan Pasukan Pelajar bagi kategori Wanita.



1



3



5a



5b



7